



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 17 / 2024

KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN NEGERI N.43 NENGGIRI, KELANTAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Haji Mohd Amar bin Abdullah, Speaker Dewan Negeri Kelantan**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Negeri N.43 Nenggiri, Kelantan** berikutan penyandanginya YB Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim telah hilang keahlian Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pada 13 Jun 2024.
2. Sebagaimana diperuntukkan di bawah **Fasal (3) Perkara 31A Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan**, kekosongan luar jangka tersebut hendaklah **diisi dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh SPR menerima pemakluman tersebut.**

3. Sehubungan itu, satu **Mesyuarat Khas Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Negeri N.43 Nenggiri, Kelantan** akan diadakan pada **28 Jun 2024 (Jumaat)** bagi membincangkan pelaksanaan pilihan raya tersebut.

4. **Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.**

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

19 Jun 2024 /12 Zulhijjah 1445H